

# Hati-hati pilih ketua PUNB

U.M. 17 APR 1993

**M**ELAKA 16 April — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad menasihatkan Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) supaya memilih calon Ketua Eksekutif barunya dengan lebih berhati-hati yang memahami matlamat penubuhan perbadanan itu.

Beliau tidak mahu kesilapan yang dibuat itu berulang lagi.

"Saya percaya mereka (PUNB) telah membuat kajian yang tepat tentang prestasi dan mungkin mereka tersilap memilih (Ketua Eksekutif) dan tidak salah sekiranya tersalah pilih, kita ambil satu langkah ke belakang untuk dua langkah ke hadapan ...," katanya.

Dr. Mahathir memberikan nasihat itu semasa diminta mengulas mengenai perletakkan jawatan Ketua Eksekutif PUNB, Raja Dato' Aman Ahmad di sidang akhbar pada hari terakhir lawatannya ke negeri ini di sini hari ini.

Semalam Pengerusi PUNB, Tun Ismail Ali mengumumkan perletakan jawatan Raja Dato' Aman, Pengerus Besar Perkhidmatan Korporat,

Ishak Hashim dan Pengerus Besar Perancangan Korporat dan Pelabuhan, Nik Amin Nik Abdul Majid.

Tun Ismail dilaporkan berkata, PUNB telah membuat pemilihan yang silap dalam memilih Ketua Eksekutifnya semasa mula-mula beroperasi dulu sehingga menyebabkan wujudnya perbezaan objektif dan falsafah antara Raja Dato' Aman dengan objektif asal organisasi itu.

Perdana Menteri yang tidak terkejut dengan perkembangan itu kerana menurut beliau telah ngetahui daripada awal lagi berkata, calon untuk jawatan itu haruslah memahami tujuan penubuhan perbadanan tersebut yang bukan merupakan organisasi kebajikan atau peminjam wang.

"Kali ini PUNB kena cari betul-betul ...jangan tersilap lagi cari calon dan saya fikir calon itu harus faham tujuan PUNB kerana ia bukan satu agensi peminjam wang kerana agensi seperti itu sudah banyak di negara ini," katanya.

Menurut Perdana Menteri, semua pihak harus memahami objektif penu-

buhan perbadanan itu, bukan sahaja pihak pengurusan PUNB tetapi juga pihak-pihak yang berminat untuk bekerjasama dengannya.

"Apa yang kita perlu ialah satu badan yang mempunyai kepakaran untuk mencari sesuatu projek dan melabur projek itu, sementara pihak yang membuat cadangan itu pula mesti mempunyai modal sendiri ...dia jangan hanya kata dia ada idea dan mahu menggunakan wang PUNB untuk melabur," jelas beliau.

## Peningkatan

Sementara itu ketika mengulas peningkatan jumlah dan nilai dagangan di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) akhir-akhir ini, Dr. Mahathir berharap dagangan yang sihat itu tidak berasaskan kepada khabar-khabar angin, sebaliknya disebabkan oleh prestasi syarikat.

Beliau yang agak terpejabat dengan peningkatan jumlah dagangan di BSKL itu berkata, perkara yang harus diakui ialah dagangan sihat itu berlaku juga selepas dibeberiti amaran oleh Menteri

Kewangan agar para pelabur tidak terpengaruh dengan khabar-khabar angin.

Menjawab pertanyaan yang mendakwa peningkatan dagangan di BSKL itu berlaku disebabkan pelabur melabur ke atas syarikat-syarikat yang berkepentingan dengan UMNO terutamanya menjelang Perhimpunan Agung UMNO November ini, beliau berkata:

"Kita tiada syarikat yang berkaitan dengan UMNO, walaupun ramai orang buat tuduhan..."

Menurut Perdana Menteri, walaupun UMNO sebuah parti yang ramai mengenali peniaga-peniaga, itu tidak bermakna dengan mengenali mereka syarikat itu adalah kepunyaan UMNO.

Sementara itu ketika mengulas mengenai isu perlantikan Setiausaha Kerajaan Negeri Johor, beliau percaya kerajaan Johor dapat mengatasi masalah itu.

Katanya, banyak lagi perkara yang lebih rumit daripada itu telah dapat diatasi dan beliau yakin Menteri Besar, Johor Tan Sri Muhyiddin Yassin berupaya untuk menangani masalah tersebut.